

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 JUNE 2016

Najib, isteri teruskan tradisi kacang bubur lambuk

Um - 12/6/2016

PEKAN 11 Jun - Penduduk di sekitar Parlimen ini berbesar hati apabila pemimpin nombor satu negara meneruskan tradisi pada setiap tahun turun padang bersama-sama mengacau bubur lambuk untuk diagihkan kepada orang ramai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor meluangkan masa kira-kira 40 minit bersama penduduk memasak bubur lambuk di pekarangan Rumah Sri Kenangan di sini bermula pukul 4.30 petang ini.

Najib dan Rosmaj turut memasak kuih bakar yang merupakan kuih tradisional popular di daerah ini.

Sebanyak 3,000 pek bubur lambuk dimasak dalam program anjuran Pertubuhan Perkumpulan Wanita (WI) Pekan dan Persatuan Ibu Tunggal Pekan itu.

Pengerusi WI Pekan, Datuk Melati Ali ketika ditemui berkata, program tersebut merupakan acara tahunan yang lazimnya dihadiri Perdana Menteri dan isteri.

"Terima kasih kepada Perdana Menteri walaupun dalam keadaan yang sibuk sanggup meluangkan masa untuk kami di Pekan.

"Bubur lambuk tersebut akan diagihkan kepada penduduk sekitar untuk berbuka puasa termasuk dihantar ke masjid-masjid berhampiran," katanya.



NAJIB TUN RAZAK dan Rosmah Mansor mengisi bubur lambuk ke dalam bekas untuk diagihkan di pekarangan rumah Perdana Menteri dekat Pekan, semalam. - MINGGUAN/MAHATHIR ALI